

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pembaharuan-pembaharuan bagi isu-isu dalam industri kreatif dan perfileman di Malaysia antaranya, penapisan di pihak FINAS yang menghalang kreativiti penulis, pengarah dan pelakon dalam pembikinan filem yang berkualiti dan adakah Kementerian masih ingin melaksanakan cadangan supaya lesen diperlukan untuk pencipta ekspresi kreatif di media sosial, memandangkan Kementerian sebelum ini menyatakan peraturan ini tidak akan dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sentiasa komited dan berusaha menangani isu-isu dalam industri kreatif dan filem dengan merangka dan melaksanakan pelbagai pembaharuan. FINAS misalnya telah merangka misi 'Road to Oscar' (ROT) yang bertujuan sebagai penanda aras pengiktirafan filem Malaysia di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini adalah untuk memperkasakan industri perfileman negara secara holistik di peringkat domestik dan luar negara.

Bagi memperkasa perkhidmatan, sokongan, infrastruktur berkapasiti tinggi dalam penghasilan kandungan yang berkualiti, FINAS

SOALAN NO : 17

telah menyediakan sistem 4K Realtime dalam pasca produksi filem (suntingan) bagi kemudahan penggambaran yang dijangka akan digunakan pada tahun 2022. Bagi membangunkan semula sistem audio pula, Projek Sangkar Bunyi (Wavenest) dijangka siap pada tahun 2022 untuk digunakan oleh penggiat industri.

Manakala bagi memperkasa pembangunan modal insan dan profesionalisme penggiat industri, FINAS dengan kerjasama MYNIC melaksanakan Program Pendigitalan Ekonomi Anak Seni Malaysia (PERANTIS) dengan penglibatan lebih 100 orang penggiat industri kreatif untuk berkecimpung dalam aktiviti ekonomi digital menerusi penggunaan domain.MY, penyediaan laman sesawang e-dagang, bimbingan serta pemantauan prestasi selama tiga (3) bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui FINAS sentiasa memberikan sokongan dan bantuan kepada penggiat industri filem untuk memperkembangkan bakat dan meningkatkan kreativiti dalam menghasilkan karya yang berkualiti. Namun, filem tempatan atau luar negara hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertujuan menjaga keselamatan negara, keharmonian kaum serta melindungi kepentingan negara dan rakyat daripada pengaruh buruk serta unsur-unsur negatif sebelum diedar atau ditayangkan kepada umum.

Selain itu, Kementerian dan FINAS sedang giat mengkaji penambahbaikan dan pindaan terhadap Akta Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (1981) Akta 244 bagi memudahkan dan membangunkan industri perfileman negara termasuk aspek berkaitan penciptaanu ekspresi kreatif di media sosial. Pada masa kini, FINAS masih melaksanakan pelesenan dan penguatkuasaan ke atas ketiga-tiga sektor utama perfileman iaitu pengeluaran, pengedaran dan pemameran berpandukan Akta 244 sedia ada.